

Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Wang Khairat (MPWK)

Tarikh: 27 hingga 29 November 2013 (Rabu hingga Jumaat)

Tempat: AnCasa AllSuites Resort & Spa, Port Dickson, Batu 8 1/2, Jalan Pantai
Teluk Kemang, 71050 Port Dickson, Negeri Sembilan

Konsep Wang Khairat (Derma/Sedekah) Menurut Perspektif Islam

Abdullaah Jalil

Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM.

Isi Kandungan

Pengenalan	1
Definisi Wang Khairat (Sedekah/Derma)	1
Sedekah, Hibah dan Tabarru'	2
Dalil-dalil Pensyariatian Sedekah Secara Sukarela	2
Nas-nas al-Quran	2
Nas-nas al-Hadith	3
Al-Ijma'	5
Hikmah Pensyariatian Sedekah Secara Sukarela	5
Hukum Sedekah Secara Sukarela	7
Rukun dan Syarat Bersedekah	8
Jenis-jenis Sedekah	10
Sedekah Wajib dan Sedekah Sunat	10
Sedekah Umum dan Khusus	11
Isu dan Permasalahan Berkaitan Sedekah	11
Tertib Keutamaan Penerima Sedekah	11
Bersedekah dengan Keseluruhan Harta	12
Pemberian Sedekah Secara Terbuka atau Tersembunyi	12
Bersedekah Dengan Harta Haram	13
Sedekah Oleh Orang Yang Menanggung Hutang	14
Sedekah kepada Haiwan	14
Sedekah untuk Orang Yang Telah Meninggal Dunia	15
Sedekah kepada Orang Kaya	15
Sedekah kepada Bukan Muslim	16
Perkara-perkara Yang Perlu Dielakkan Berkaitan Bersedekah	16
Haram	17
Makruh	18
Merujuk Kembali Sedekah Yang Telah Diberi	19
Kesimpulan	19

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sedekah itu tidaklah mengurangkan sesuatu apa pun daripada harta; dan tidaklah Allah SWT menambahkan seseorang itu dengan (sifat) kemaafan melainkan (Dia menambahkannya dengan) kemuliaan; dan tidaklah seseorang itu merendah diri kerana Allah SWT melainkan Allah SWT akan mengangkatnya.”

(Hadis riwayat Muslim)

Pengenalan

Kertas kerja ini akan menghuraikan konsep wang khairat (sedekah/derma) dalam Islam yang menyentuh mengenai definisi sedekah, dalil dan hikmah pensyariatan, hukum berkaitannya, rukun dan syarat serta jenis-jenis sedekah, serta isu dan permasalahan berkaitannya. Sedekah secara sukarela adalah satu bentuk ibadat harta yang amat digalakkan di dalam Islam dan terdapat begitu banyak nas al-Quran dan al-Hadith yang menganjurkan agar amalan sedekah dilakukan khususnya bagi kaum kerabat dan orang-orang yang berhajat. Sedekah adalah merupakan satu bentuk ibadat harta yang lebih fleksibel dan tidak terikat dengan syarat-syarat yang ketat seperti ibadat zakat. Sedekah dilihat sebagai pelengkap kepada sistem zakat dalam membantu golongan yang memerlukan dan memperbaiki pengagihan kekayaan di dalam sebuah sistem ekonomi.

Definisi Wang Khairat (Sedekah/Derma)

Para fuqaha' telah mendefinisikan sedekah atau derma dengan pelbagai definisi. Definisi yang lengkap bagi sedekah menurut perspektif Islam ialah: “Akad yang memberi pemilikan harta kepada pihak yang lain yang berhajat tanpa timbal balas untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT secara sukarela.” Wang khairat pula adalah sedekah yang dilakukan dalam bentuk wang bagi tujuan kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh kerana itu, wang khairat tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan ke atas sedekah.

Sedekah, Hibah dan Tabarru'

Sedekah adalah satu bentuk tabarru'. Tabarru' adalah merupakan akad pemberian sesuatu kepada pihak lain tanpa balasan. Sekiranya pemberian itu diberi kepada pihak yang memerlukan, maka ia adalah sedekah. Sekiranya ia diberikan kepada pihak yang lain sebagai penghormatan dan menzahirkan kasih sayang, maka ia adalah hadiah. Istilah yang lebih umum bagi pemberian harta ialah hibah. Sedekah juga boleh dilakukan dalam bentuk yang kekal seperti waqaf atau dalam bentuk hasil binatang dan pokok seperti manihah. Sedekah juga boleh dijadikan wasiat dan hanya berkuat kuasa selepas kewafatan pewasiat. Pada zaman ini, sedekah juga meliputi darah dan organ-organ penting seseorang yang dikenali sebagai derma darah dan organ.

Dalil-dalil Pensyariatian Sedekah Secara Sukarela

Pensyariatian sedekah didasarkan kepada nas Al-Quran, As-Sunnah dan Ijmak.

Nas-nas al-Quran

Terdapat begitu banyak ayat-ayat al-Quran yang menganjurkan amalan bersedekah dilakukan. Sebahagiannya adalah seperti berikut:

Allah SWT berfirman:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ
(245)

Maksudnya: "[245] Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan."

(Surah al-Baqarah, ayat 245)

Allah SWT berfirman:

فَاقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ (20)

Maksudnya: "Maka bacalah mana-mana yang sudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran; dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat; dan berilah

pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). Dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekal untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, -sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya. Dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-Muzzammil, ayat 20)

Allah SWT berfirman:

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعُقْبَةُ (12) فَكُلْ رَقَبَةً (13) أَوْ إِطْعَمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْعَبَةٍ (14) يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ (15) أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ (16)

Maksudnya: “[12] Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? [13] (Di antara amal-amal itu – bagi orang yang mampu) ialah: memerdekakan hamba abdi; [14] Atau memberi makan pada hari kelaparan - [15] Kepada anak yatim dari kaum kerabat, [16] Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah.”

(Surah al-Balad, ayat 12-16)

Nas-nas al-Hadith

Terdapat banyak hadis Rasulullah S.A.W. yang menjelaskan dalil pensyariatian sedekah, di antaranya adalah sabda Rasulullah S.A.W.:

Hadith Pertama

Abu Hurayrah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَصَدَّقَ بِعَدْلِ تَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيِّبَ، وَإِنَّ اللَّهَ يَتَقَبَّلُهَا بِيَمِينِهِ، ثُمَّ يُرِيهَا لِصَاحِبِهِ كَمَا يُرِي أَحَدُكُمْ فَلُوَّهُ حَتَّى تَكُونَ مِثْلَ الْجَبَلِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang bersedekah dengan seberat tamar daripada hasil usaha yang baik, dan Allah SWT tidak menerima melainkan sesuatu yang baik, dan sesungguhnya Allah SWT akan menerimanya dengan kekuasaanNya. Kemudian Dia mengembangkannya bagi pemiliknya sepertimana salah seorang daripada kamu memelihara anak kudanya sehinggalah ia menjadi seumpama bukit.”

(Hadith riwayat al-Bukhari)

Pemberian itu merangkumi sedekah dan hadiah. Jika pemberian itu dimaksudkan sebagai satu cara untuk mendekati diri kepada Allah, maka ia dinamakan sedekah, tetapi jika ia dimaksudkan sebagai satu penghargaan, sanjungan dan tanda kasih maka ia dinamakan hadiah. Allah menyuruh kita agar menginfakkan harta dan memberi

sedekah dengan harta yang halal dan melarang kita daripada menginfakkan harta yang haram sebagaimana ia menyuruh kita agar memastikan agar makan, minum, pakaian dan segala harta benda yang kita gunakan di dunia ini adalah datang daripada sumber yang halal. Sebenarnya bersedekah adalah antara amalan sunat yang dianjurkan dan digalakkan dalam Islam. Anjuran ini tidaklah hanya ditujukan kepada orang-orang kaya sahaja, malah orang-orang yang kurang berada pun dianjurkan bersedekah menurut kadar kemampuan masing-masing.

Hadith Kedua

cUqbah Ibn cAmir RA meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ امْرِئٍ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ حَتَّى يُفْصَلَ بَيْنَ النَّاسِ أَوْ قَالَ: يُحْكَمَ بَيْنَ النَّاسِ.

Maksudnya: "Setiap individu berada di bawah perlindungan sedekahnya sehinggalah dia dibicarakan di kalangan manusia" atau Baginda bersabda: "Dihakimi di kalangan manusia."

T: Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; al-Hakim dan lain-lain.

Hadith Ketiga

Kacb Ibn cUjrah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada beliau (petikan daripada sebuah hadith yang lebih panjang):

يَا كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ، الصَّلَاةُ بُرْهَانٌ، وَالصَّوْمُ جُنَّةٌ حَصِينَةٌ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ.

Maksudnya: "Wahai Kacb Ibn cUjrah! Solat itu adalah hujah / bukti, dan puasa itu adalah benteng / perisai yang memelihara, dan sedekah itu memadamkan kesalahan sepertimana air memadamkan api."

T: al-Tirmidhi.

Hadith Keempat

Anas Ibn Malik RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الصَّدَقَةَ لِتُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ وَتَدْفَعُ عَن مِيتَةِ السُّوءِ.

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah itu pasti memadamkan kemurkaan Tuhan dan melindungi daripada kematian yang buruk."

T: al-Tirmidhi; Ibn Hibban; al-Bayhaqi - Shucab al-Iman dan lain-lain.

Hadith Kelima

Abu Hurayrah RA meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا، وَيَقُولُ
الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا.

Maksudnya: "Tidak ada seharipun di mana para hamba itu berpagi-pagi padanya melainkan ada dua malaikat yang akan turun (berdoa). Maka salah satu daripada mereka berdoa: Ya Allah! Berikanlah ganti bagi orang yang meinfakkan hartanya; dan yang lain pula berdoa: Ya Allah! Berikanlah kemusnahan bagi orang yang menahan infaq hartanya."

T: al-Bukhari; Muslim; Ahmad; Ibn Hibban; al-Nasa'i - al-Sunan al-Kubra; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

Al-Ijma'

Para fuqaha' telah bersepakat berkenaan penshariatan sedekah secara sukarela sebagai satu amalan untuk mendekati diri kepada Allah SWT.

Hikmah Pensyariatan Sedekah Secara Sukarela

Antara hikmah-hikmah pensyariatan sedekah adalah seperti berikut:

- i. Amalan bersedekah adalah satu tanda kesyukuran kepada Allah SWT di atas nikmat harta yang telah dikurniakan kepada kita.
- ii. Sedekah dapat menyucikan harta dan diri seseorang sebagaimana zakat.
- iii. Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat pemurah dan paling suka memberikan sedekah. Maka, amalan bersedekah adalah ini adalah merupakan satu contoh teladan kepada Baginda SAW.
- iv. Sedekah adalah satu bentuk amal ibadah yang dapat menambahkan kebaikan, menghapuskan dosa, menolak bala', menambahkan rezeki, menyembuhkan penyakit dan menjauhkan kemurkaan Allah SWT.

Bagi penerima pula:

- v. Sedekah dapat membantu penerimanya memenuhi keperluan dan hajatnya seterusnya memperbaiki kehidupannya.
- vi. Sedekah dapat membantunya menjalankan tanggungjawabnya berkaitan agama dan dunia.
- vii. Sedekah dapat menghilangkan perasaan marah dan dengki yang mungkin timbul lantaran kesempitan hidup yang dialaminya,

Manfaat sedekah secara sukarela kepada masyarakat dapat dirumuskan seperti berikut.

- viii. Menyempurnakan sistem zakat bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan serta memperbaiki pengagihan harta di dalam ekonomi.
- ix. Menyempurnakan sistem sekuriti sosial (al-takaful al-ijtima'i) bagi mewujudkan mekanisma dan budaya bantu membantu di dalam sesebuah masyarakat.

Hakikat dapat dibuktikan di dalam hadith berikut. Jarir Ibn Abdullah RA meriwayatkan bahawa bapanya berkata:

كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَدْرِ النَّهَارِ قَالَ فَجَاءَهُ قَوْمٌ حُفَاةٌ عُرَاةٌ مُجْتَابِي التَّمَارِ أَوْ الْعَبَاءِ مُتَقَلِّدِي السُّيُوفِ عَامَّتُهُمْ مِنْ مُضَرَ بَلَّ كُلُّهُمْ مِنْ مُضَرَ فَتَمَعَّرَ وَجْهَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمَا رَأَى بِهِمْ مِنَ الْفَاقَةِ فَدَخَلَ ثُمَّ خَرَجَ فَأَمَرَ بِأَلَا فَاذْنَ وَأَقَامَ فَصَلَّى ثُمَّ خَطَبَ فَقَالَ (يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ إِلَى آخِرِ الْآيَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيًّا) وَالْآيَةُ الَّتِي فِي الْحَشْرِ (اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ) تَصَدَّقَ رَجُلٌ مِنْ دِينَارِهِ مِنْ دِرْهَمِهِ مِنْ ثَوْبِهِ مِنْ صَاعِ بُرِّهِ مِنْ صَاعِ تَمْرِهِ (حَتَّى قَالَ) وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ، قَالَ: فَجَاءَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ بِصُرَّةٍ كَادَتْ كَفُّهُ تَعْجِزُ عَنْهَا بَلَّ قَدْ عَجَزَتْ قَالَ ثُمَّ تَتَابَعَ النَّاسُ حَتَّى رَأَيْتُ كَوْمِينَ مِنْ طَعَامٍ وَثِيَابٍ حَتَّى رَأَيْتُ وَجْهَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَهَلَّلُ كَأَنَّهُ مُذْهَبَةٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ. "

Maksudnya: “Ketika kami sedang berada di sisi Rasulullah SAW pada waktu tengahari, maka datanglah satu kaum yang dalam keadaan tidak beralas kaki dan tidak cukup pakaian, mereka memakai penutup kepala yang terkoyak sambil menggantungkan pedang di badan mereka, kebanyakan mereka adalah dari (qabilah) Mudar, bahkan setiap mereka adalah dari Mudar. Maka berubah wajah Rasulullah SAW kerana melihat kesusahan yang mereka hadapi. Maka Rasulullah SAW pun memasuki (rumah) dan kemudian keluar serta memerintahkan Bilal RA untuk melakukan azan dan iqamah (Zohor). Setelah itu, Baginda SAW (dan para sahabat RA) bersolat. Setelah selesai solat, Baginda SAW berkhotbah dan membaca ayat al-Quran (dari Surah al-Nisaa’: Ayat 1 dan Surah al-Hashr: Ayat 18).

[1] Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang

ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

[18] Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

(Serta bersabda):

“Bersedekahlah seseorang itu daripada dinarnya, daripada dirhamnya, daripada pakaiannya, daripada segantang gandumnya, daripada segantang tamarnya, (sehingga Baginda SAW bersabda) walaupun dengan sebahagian daripada sebiji tamarnya.”

Maka orang ramai agak perlahan untuk mula bersedekah. Maka datanglah seorang lelaki daripada Ansar dengan satu kantung yang hampir-hampir tidak mampu dipegang dengan tapak tangannya. Maka setelah itu, orang ramai pun terus bersedekah secara berterusan sehingga terkumpulnya dua longgokan besar pakaian dan makanan dan sehingga aku telah melihat wajah Rasulullah SAW berseri-seri seolah-olah bekas yang bersinar. Maka Baginda SAW pun bersabda:

“Barangsiapa yang mencipta di dalam Islam satu sunnah yang baik, maka dia memperoleh pahalanya dan pahala orang-orang yang beramal dengannya (sunnah tersebut) selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa mencipta satu sunnah yang buruk, maka dia memperoleh dosanya dan dosa orang-orang yang beramal dengan sunnah (yang buruk) tersebut selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun dosa-dosa mereka.”

(Hadith riwayat Muslim, al-Nasa’i – al-Sunan al-Sughra dan lain-lain.)

Hukum Sedekah Secara Sukarela

Secara umumnya, sedekah adalah disunatkan pada setiap masa. Pada asasnya ia disunatkan untuk dilakukan secara tersembunyi. Namun begitu, pemberian sedekah sedekah secara terbuka lebih disunatkan sekiranya kebaikannya lebih besar. Sedekah juga lebih disunatkan (menjadi sunat mu'akkad) pada waktu-waktu yang afdal seperti bulan Ramadan, sepuluh hari pertama daripada bulan ZulHijjah, hari-hari raya dan di tempat-tempat seperti Mekah dan Madinah, dan ketika mengerjakan Haji dan jihad, serta ketika berlakunya perkara-perkara yang penting seperti gerhana, sakit dan permusafiran. Sedekah juga disunatkan untuk diberikan kepada orang-orang yang soleh. Disunatkan juga memperbanyakkan sedekah pada waktu-waktu kesusahan melanda dan selepas melakukan maksiat. Semakin penting barang yang disedekahkan,

maka semakin afdal sedekah tersebut. Oleh kerana itulah apabila Rasulullah SAW ditanya:

أَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: " سَقْيُ الْمَاءِ

Maksudnya: "Apakah sedekah yang paling afdal? Baginda menjawab: Air."

T: Sunan al-Nasa'i al-Sughra.

Semakin besar nisbah sedekah yang dikeluarkan oleh seseorang daripada hartanya, semakin besar juga ganjaran yang diperolehinya. Abu Hurayrah RA meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

سَبَقَ دِرْهَمٌ مِائَةَ أَلْفِ دِرْهَمٍ ، قَالُوا: وَكَيْفَ؟ قَالَ: كَانَ لِرَجُلٍ دِرْهَمَانِ تَصَدَّقَ بِأَحَدِهِمَا، وَأَنْطَلَقَ رَجُلٌ إِلَى غُرْضٍ مَالِهِ فَأَخَذَ مِنْهُ مِائَةَ أَلْفِ دِرْهَمٍ فَتَصَدَّقَ بِهَا.

Maksudnya: "Satu dirham telah mendahului seratus dirham. Mereka bertanya: Dan bagaimanakah itu?. Baginda menjawab: Adalah bagi seseorang itu dua dirham, lalu dia bersedekah dengan salah satu daripadanya, dan seorang lelaki (lagi) pergi ke sudut hartanya, lalu dia mengambil seratus dirham dan bersedekah dengannya."

T: al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; al-Hakim dan lain-lain.

Sedekah juga boleh menjadi Wajib: Sekiranya pemberi sedekah mendapati seseorang yang benar-benar terdesak untuk makan, dan pemberi sedekah mempunyai makanan yang lebih daripada hajat keperluannya.

Sedekah juga boleh menjadi Haram: Sekiranya pihak pemberi sedekah mengetahui atau meyakini bahawa penerima sedekah akan membelanjakan wang sedekah tersebut pada perkara yang haram.

Sedekah juga boleh menjadi Makruh: Sekiranya pemberi sedekah bersedekah dengan sesuatu yang buruk sedangkan dia memiliki sesuatu yang lebih baik untuk disedekahkan.

Rukun dan Syarat Bersedekah

Sedekah tidak akan berlaku melainkan dengan wujud rukun-rukunnya. Rukun-rukun sedekah ialah:

- i. Al-Mutasaddiq
- ii. Al-Mutasaddaq 'alayh

- iii. Al-Mutasaddaq bih
- iv. Al-Sighah
- v. Al-Niyyah

a. **Pemberi sedekah (al-Mutasaddiq):** Ialah pihak yang mengeluarkan hartanya untuk diberikan kepada pihak yang memerlukan. Syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh pemberi sedekah ialah:

- i. Memiliki keahlian secara penuh untuk melakukan tabarru' iaitu:
 - i. Berakal:
 - ii. Baligh:
 - iii. Rashid:
 - iv. Tidak mempunyai halangan untuk bersedekah:
- ii. Memiliki barang yang ingin disedekahkan atau menjadi wakil bagi pihak lain yang ingin bersedekah dengan hartanya.

b. **Penerima sedekah (al-Mutasaddaq 'alayh):** Iaitu pihak yang menerima sedekah yang diberikan. Tidak disyaratkan pada penerima sedekah syarat-syarat yang telah ditetapkan pada penerima sedekah kerana penerima sedekah tidak mendapat apa-apa kemudahan dalam akad sedekah. Oleh kerana itu, tidak disyaratkan pada penerima sedekah bahawa dia mesti berakal, atau baligh, atau cerdik, atau mempunyai keahlian melakukan tabarru'. Maka penerima sedekah boleh terdiri daripada kanak-kanak, orang gila dan orang yang muflis dan penerimaan tersebut tidak tertakluk kepada izin wali mereka. Bahkan haiwan juga boleh mendapat manfaat daripada sedekah.

c. **Harta yang disedekahkan (al-Mutasaddaq bih):** Iaitu harta yang diberikan kepada pihak yang berhajat. Dan disyaratkan bahawa harta tersebut:

- i. Dimiliki daripada sumber yang halal.
- ii. Bukan daripada sumber yang haram atau shubhat.
- iii. Adalah merupakan harta yang baik dan bukan sesuatu yang buruk dan tidak disukai.

d. **Sighah:** Sighah adalah merujuk kepada ijab dan qabul. al-ijab dan al-qabul dengan lafaz tidak disyaratkan pada sedekah. Bahkan, cukup dengan penyerahan dan

penerimaan (al-qabd) harta sedekah tersebut. Dan ini adalah pendapat yang paling sahih di dalam mazhab Shafie dan ianya telah dipilih oleh ramai para ulama' Shafi'iyah. Mereka berhujah dengan hadith di mana Salman al-Farisi RA hanya meletakkan hadiah/sedekah di hadapan Nabi SAW tanpa ada lafaz ijab dan qabul daripada mereka berdua dan dengan hadith-hadith seumpamanya. Ini adalah apa yang telah diterima pakai oleh orang ramai, dan oleh kerana itu hadiah/sedekah ini juga dikirimkan melalui kanak-kanak yang tidak mengeluarkan sebarang lafaz pun. Namun di sana terdapat pendapat di dalam mazhab al-Shafie yang mensyaratkan padanya ijab dan qabul seperti jual beli, hibah dan wasiat. Ia adalah zahir kata-kata al-Shaykh Abu Hamid al-Isfarayini dan mereka yang mengambil pandangan tersebut daripadanya.

- e. **Niat:** Niat bagi amalan sedekah adalah berbeza dengan pemberian hadiah. Sedekah adalah dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendapatkan ganjaran daripada-Nya. Oleh kerana itu, pemberi sedekah perlulah benar-benar memastikan bahawa niatnya adalah benar kerana Allah SWT. Bahkan, istilah sedekah itu sendiri merujuk kepada kebenaran niat oleh pelakunya. Imam Ibn Abidin menyatakan bahawa disunatkan juga untuk diniatkan pahala sedekah itu diberikan kepada semua orang-orang beriman kerana ia akan sampai kepada mereka tanpa mengurangkan pahala pemberi sedekah sedikit pun.

Jenis-jenis Sedekah

Dari sudut yang lebih umum, sedekah merujuk kepada sebarang pemberian tanpa timbal balas kepada mereka yang berhajat. Maka ia boleh meliputi sedekah yang wajib dan sunat.

Sedekah Wajib dan Sedekah Sunat

Jenis-jenis sedekah yang wajib ialah:

- i. Sedekah yang difardukan oleh Shariat ke atas harta. Ia dikenali sebagai zakat.
- ii. Sedekah yang difardukan oleh Shariat ke atas tubuh badan bagi menampung kekurangan yang berlaku pada puasa fardu serta menggembirakan faqir miskin di hari raya Aidilfitri. Ia dikenali sebagai zakat fitrah.

- iii. Sedekah yang difardukan oleh seseorang ke atas dirinya dengan jalan nazar.
- iv. Sedekah yang difardukan oleh Shariat ke atas seseorang bagi menunaikan hak Allah SWT seperti fidyah dan kaffarah.

Sedekah yang sunat adalah merujuk kepada sedekah yang dilakukan oleh seseorang dengan jalan sukarela dan memenuhi rukun dan syarat yang telah ditetapkan. Walaupun istilah sedekah pada dasarnya boleh merangkumi sedekah yang wajib dan sunat, pada kebiasaannya istilah sedekah digunakan oleh para fuqaha' untuk merujuk kepada sedekah yang dibuat secara sukarela semata-mata.

Sedekah Umum dan Khusus

Sedekah juga boleh menjadi umum atau khusus berdasarkan penggunaannya. Pada prinsip dasarnya wang sedekah adalah umum, namun ia boleh menjadi khusus berdasarkan syarat yang telah diletakkan oleh pemberinya.

Isu dan Permasalahan Berkaitan Sedekah

Tertib Keutamaan Penerima Sedekah

Disunatkan bagi seseorang Muslim untuk bersedekah kepada mereka yang berhajat dari kalangan kaum kerabatnya walaupun mereka dari kalangan mereka yang wajib ke atasnya pemberian nafaqah kepada mereka kerana sedekah kepada kaum kerabat (termasuk suami atau isteri) adalah paling afdal. Dalam hal ini, kaum kerabat yang lebih rapat adalah lebih afdal untuk menerima sedekah. Rasulullah SAW bersabda:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمَسْكِينِ صَدَقَةٌ وَعَلَى ذِي الرَّحِمِ ثِنْتَانِ: صَدَقَةٌ وَصِلَةٌ

Maksudnya: “Sedekah kepada orang miskin adalah merupakan satu sedekah dan (sedekah) kepada mereka yang mempunyai hubungan rahim (adalah) dua perkara: sedekah dan silah (merapatkan hubungan).”

(Hadith riwayat al-Tirmidhi dan Ibn Hibban)

Kemudian disunatkan seseorang itu mengutamakan jirannya dalam pemberian sedekah. Dalam hal ini, jiran yang lebih dekat adalah lebih afdal. Saidatina A'ishah RA meriwayatkan bahawa beliau bertanya Rasulullah SAW:

إِنَّ لِي جَارَيْنِ فَأَلِي أَيُّهُمَا أُهْدِي؟ فَقَالَ: إِلَى أَقْرَبِهِمَا مِنْكَ بَابًا

Maksudnya: "Sesungguhnya bagiku dua orang jiran, maka kepada siapa dari kalangan mereka berdua yang lebih patut daku berikan hadiah?. Baginda menjawab: Yang lebih dekat dari kalangan mereka berdua dengan pintu rumahnya."

Bersedekah dengan Keseluruhan Harta

Disunatkan bagi sedekah itu dilakukan pada harta yang lebih daripada keperluannya dan keperluan orang-orang yang di bawah tanggungannya. Sekiranya seseorang itu bersedekah sehingga mengurangkan keperluan orang-orang di bawah tanggungannya, maka dia berdosa. Sesiapa yang mahu bersedekah dengan semua hartanya dan dia mengetahui bahawa dirinya mempunyai tawakkal yang baik, dan dapat menahan diri daripada meminta-minta serta mem, maka dia diharuskan untuk melakukannya, sekiranya tidak maka ia tidak diharuskan. Dan makruh bagi seseorang yang tidak mempunyai kesabaran terhadap kesempitan hidup untuk bersedekah sehingga mengurangkan keperluan hidupnya dengan sempurna.

Pemberian Sedekah Secara Terbuka atau Tersembunyi

Mengeluarkan sedekah secara tersembunyi adalah lebih afdal kerana itu lebih dekat kepada keikhlasan, lebih jauh daripada riya' dan sum'ah serta lebih menjaga maruah penerima sedekah. Allah SWT berfirman:

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ (271)

Maksudnya: [271] Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(Surah al-Baqarah, ayat 271)

Di dalam hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim pula, Rasulullah SAW telah menerangkan tentang tujuh golongan manusia yang akan mendapat perlindungan daripada Allah SWT di bawah Arash-Nya pada hari Kiamat nanti, dan salah satu daripada golongan tersebut ialah:

وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَدْرِي شِمَالَهُ مَا أَنْفَقَتْ يَمِينُهُ

Maksudnya: "Dan seorang lelaki yang bersedekah dengan satu sedekah, maka dia menyembunyikannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apakah yang telah diinfaqkan oleh tangan kanannya."

Akan tetapi sekiranya pemberian sedekah secara terang-terangan mempunyai masalah dan kebaikan yang lebih besar seperti memberi teladan yang baik serta menggalakkan para hadirin untuk memberi sedekah bersama-sama, maka disunatkan ianya dilakukan secara terang-terangan dengan mengambil perhatian penting kepada pentingnya menjaga keikhlasan niat.

Bersedekah Dengan Harta Haram

Bersedekah dengan harta yang haram adalah satu dosa pada hakikatnya. Ini adalah kerana sedekah itu dianjurkan pada harta yang baik dan halal. Abu Hurayrah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا، ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ، لَمْ يَكُنْ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ، وَكَانَ إِصْرُهُ عَلَيْهِ.

Maksudnya: "Barangsiapa yang mengumpulkan harta yang haram, kemudian dia bersedekah dengannya, tidak ada baginya padanya pahala, dan bebanan dosanya adalah ke atasnya."

T: Ibn Hibban.

Abu Hurayrah RA meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَدَيْتَ الزَّكَاةَ فَقَدْ قَضَيْتَ مَا عَلَيْكَ، وَمَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا، ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ، لَمْ يَكُنْ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ، وَكَانَ إِصْرُهُ عَلَيْهِ.

Maksudnya: "Apabila engkau menunaikan zakat, maka sesungguhnya engkau telah melaksanakan apa yang wajib ke atasmu, dan barangsiapa yang mengumpulkan harta yang haram, kemudian dia bersedekah dengannya, tidak ada baginya padanya pahala, dan bebanan dosanya adalah ke atasnya."

T: al-Hakim – al-Mustadrak; Ibn Khuzaymah; Ibn Hibban; al-Bayhaqi – al-Sunan al-Kubra, al-Sunan al-Sughra dan Shucab al-Iman.

cAbdullah Ibn cAbbas RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُغْبَطَنَّ جَامِعُ الْمَالِ مِنْ غَيْرِ حِلِّهِ، أَوْ قَالَ: مِنْ غَيْرِ حَقِّهِ، فَإِنَّهُ إِنْ تَصَدَّقَ لَمْ يُقْبَلْ مِنْهُ، وَمَا بَقِيَ كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ.

Maksudnya: "Tidak dicemburui si pengumpul harta tanpa halalnya – atau Baginda menyebut – tanpa haknya. Maka sesungguhnya sekiranya dia bersedekah (dengannya), tidak diterima (oleh Allah) daripadanya, dan apa

yang dikekalkan (disimpan) baginya adalah merupakan bekalannya ke neraka.”

T: al-Hakim dan beliau berkata: Hadith ini bersanad sahih tetapi tidak diriwayatkan oleh mereka berdua (al-Bukhari dan Muslim).

Oleh sebab itu sekiranya seseorang itu mempunyai harta yang haram, maka hendaklah dia mengembalikannya kepada pemilik asalnya sekiranya dia mengetahuinya. Dan sekiranya dia tidak mengetahuinya, maka hendaklah dia bersedekah dengannya. Manakala bagi penerima pula, sekiranya dia mengetahui bahawa sedekah yang diterima olehnya adalah datang daripada harta najis atau haram seperti rampasan, pencurian dan pengkhianatan, maka disunatkan baginya untuk tidak mengambilnya dan tidak makan sesuatu apa pun daripadanya. Namun begitu, kebanyakan para fuqaha' membenarkan penerima mengambilnya tetapi hukumnya adalah makruh.

Sedekah Oleh Orang Yang Menanggung Hutang

Pendapat yang paling sahih di sisi mazhab Shafi'e ialah seseorang yang mempunyai hutang ke atasnya yang tidak dapat dilangsaikan atau dia mempunyai kewajipan untuk memenuhi tuntutan nafaqah ke atas dirinya atau orang-orang yang di bawah tanggungannya, maka tidak harus baginya untuk bersedekah dengan sedekah yang sunat. Ini adalah kerana nafaqah adalah hak yang wajib ke atas dirinya. Rasulullah SAW bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَقُوتُ، وَأَبْدَأُ بِمَنْ تَعُولُ

Maksudnya: "Cukuplah bagi seseorang itu dosa untuk dia mengabaikan orang-orang yang wajib dia tanggung nafaqah makanannya, dan mulakanlah dengan orang-orang yang berada di bawah tanggunganmu."

(Hadith riwayat Abu Dawud dengan sanad yang sahih)

Begitu juga pembayaran hutang adalah wajib, maka ia lebih diutamakan berbanding sedekah yang sunat.

Sedekah kepada Haiwan

Sedekah kepada haiwan adalah sesuatu yang diakui dan dianjurkan oleh Shariat Islam. Rasulullah SAW bersabda:

فِي كُلِّ ذِي كَبِدٍ رَطْبَةٌ أَجْرٌ

Maksudnya: “Dan pada (segala kebajikan yang dibuat terhadap) setiap yang bernyawa (hati yang basah/lembap) itu ada ganjaran pahala.”

T: al-Bukhari; Muslim dan lain-lain.

Suraqah Ibn Ju'shum RA berkata:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ عَنْ ضَالَّةِ الْإِبِلِ تَغْشَى حِيَاضِي قَدْ لَطَّتْهَا لِإِبِلِي، فَهَلْ لِي مِنْ أَجْرِ إِنْ سَقَيْتُهَا؟
قَالَ: نَعَمْ، فِي كُلِّ ذَاتِ كَبِدٍ حَرَى أَجْرٌ.

Maksudnya: "Daku telah bertanya Rasulullah SAW berkenaan unta yang sesat yang telah mengerumuni telaga-telagaku yang telah daku sediakan untuk untaku, maka adakah bagiku pahala sekiranya daku memberinya minum? Baginda bersabda: Ya, pada (segala kebajikan yang dibuat terhadap) setiap yang bernyawa (hati yang panas) itu ada ganjaran pahala."

T: Ibn Majah; Ahmad; Ibn Hibban; al-Hakim; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

Anas Ibn Malik RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ.

Maksudnya: “Tidak ada seorang Muslim pun yang menanam tanaman atau meletakkan benih pokok, lalu dimakan oleh burung atau manusia atau binatang, melainkan baginya dengannya pahala sedekah.”

T: Al-Bukhari; Muslim; al-Tirmidhi; Ahmad; al-Bayhaqi – al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

Sedekah untuk Orang Yang Telah Meninggal Dunia

Adalah menjadi ijma' di kalangan para ulama' bahawa sedekah seumpama memberi makan, minuman, pakaian, serta wang yang diniatkan untuk si mati dan doa seumpama: "Ya Allah! Ampunkanlah dirinya (si mati)" atau "Ya Allah! Rahmatilah dirinya (si mati)" akan memberi manfaat kepada orang yang telah meninggal dunia.

Sedekah kepada Orang Kaya

Pada asalnya, sedekah itu disunatkan pemberiannya kepada orang-orang faqir dan mereka yang berhajat, dan inilah yang paling baik sepertimana yang telah diterangkan oleh para fuqaha'. Akan tetapi sedekah kepada orang-orang kaya (orang yang diharamkan menerima zakat) juga diharuskan. Dan disunatkan bagi orang-orang kaya untuk tidak mengambilnya dan makruh bagi mereka untuk mempamerkan diri mereka bagi tujuan tersebut. Dan haram bagi mereka menerimanya sekiranya mereka

menzahirkan kesusahan mereka sedangkan mereka tidak susah. Dan istilah orang kaya di sini meliputi orang kaya dengan harta atau kaya dengan kasab. Namun begitu, terdapat nukilan daripada Imam Izz al-Din Ibn Abd al-Salam bahawa pendapat yang sah dalam mazhab al-Shafi'e ialah harus bagi orang kaya memintanya, iaitu sedekah.

Sedekah kepada Bukan Muslim

Pada fuqaha' berbeza pandangan berkenaan keharusan memberi sedekah kepada golongan bukan Islam secara mutlaq. Pandangan yang masyhur dalam mazhab al-Shafie ialah harus memberi sedekah yang sukarela kepada golongan bukan Islam secara mutlaq, sama ada mereka adalah kafir dhimmi atau harbi, sama ada mereka musta'man atau bukan musta'man. Ini adalah bersandarkan kepada firman Allah SWT:

(8) وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا

Maksudnya: “[8] Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan.”

(Surah al-Insan, ayat 8)

Namun begitu, al-Sharbini menyatakan bahawa pendapat dalam mazhab al-Shafi'e yang lebih tepat di dalam hal ini ialah apa yang disebut oleh al-Adhra'i bahawa keharusan itu hanyalah meliputi bukan Muslim yang mempunyai perjanjian atau dhimmah (kehormatan) atau hubungan kerabat atau diharapkan pengislamannya ataupun dia ditahan sebagai tawanan dan seumpamanya. Sekiranya dia adalah seorang kafir harbi dan tidak ada padanya ciri-ciri yang telah disebutkan tadi, maka ia tidak diharuskan.

Perkara-perkara Yang Perlu Dielakkan Berkaitan Bersedekah

Terdapat perkara-perkara penting yang perlu dielakkan oleh pemberi sedekah agar sedekahnya itu benar-benar sempurna dan diterima oleh Allah SWT sebagai amalan soleh. Perkara-perkara yang perlu dielakkan di dalam bersedekah boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- i. Perkara-perkara Haram
- ii. Perkara-perkara Makruh

Haram

Mengungkit Pemberian Sedekah: Seseorang yang telah memberikan sedekah tidak dibenarkan untuk mengungkit pemberian sedekah yang telah diberi. Ia adalah merupakan salah satu dosa besar dan membatalkan pahala sedekah yang telah diperolehi. Allah SWT berfirman (al-Baqarah:264):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِثَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ...

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat.”

Dan Allah SWT berfirman (al-Baqarah:262):

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتَّبِعُونَ مَا أَنْفَقُوا مَنًّا وَلَا أَذَى لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya: “Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan (ugama) Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya), dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

Orang Kaya Yang Meminta Sedekah: Haram bagi seseorang yang kaya dan berkemampuan untuk meminta-minta atau menzahirkan kononnya dia seorang yang memerlukan bantuan walhal dia tidak memerlukannya walaupun dia tidak meminta-minta. Abdullah Ibn ‘Umar RA meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda:

لَا تَزَالُ الْمَسْأَلَةُ بِأَحَدِكُمْ حَتَّى يَلْقَى اللَّهَ، وَلَيْسَ فِي وَجْهِهِ مُرَعَةٌ لَحْمٍ

Maksudnya: “(Jika) sikap meminta-minta itu terus dilakukan oleh salah seorang daripada kamu, (maka) dia (akan) berjumpa dengan Allah (pada hari Kiamat) kelak, dalam keadaan tidak ada sepotong daging pun di wajahnya.”

T: Muslim; al-Bukhari; al-Nasa'i - al-Sughra dan al-Kubra; Ahmad; al-Hakim; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain..

Abu Hurayrah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَأَلَ النَّاسَ أَمْوَالَهُمْ تَكْثُرًا، فَإِنَّمَا يَسْأَلُ جَمْرًا، فَلَيْسَتْ قِلًّا أَوْ لَيْسَتْ كَثْرًا

Maksudnya: "Barangsiapa yang meminta daripada manusia harta-harta mereka untuk memperbanyakkan harta mereka sendiri (bukan kerana hajat), maka hanyasanya mereka sedang meminta batu (yang panas), maka sedikitkanlah atau perbanyakkanlah (hal itu)."

T: Muslim; Ibn Majah; Ahmad; Ibn Hibban; al-Bayhaqi - al-Sunan al-Kubra dan lain-lain.

Hal ini dikiaskan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW yang bersabda berkenaan seorang ahli suffah yang wafat dan meninggalkan harta sebanyak dua dinar (yang telah beliau ambil tanpa keizinan dari harta ghanimah), Baginda bersabda:

كَيْتَانِ (مِنْ نَارِ)

Maksudnya: "Dua luka kepanasan daripada api neraka."

(Hadith riwayat Ahmad.)

Makruh

Makruh bagi seseorang itu untuk bersedekah dengan sesuatu yang buruk daripada hartanya. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ (267)

Maksudnya: "[267] Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji."

(Surah al-Baqarah, ayat 267)

Begitu juga makruh bagi pemberi sedekah untuk memberi sedekah daripada hartanya yang shubhat. Dan makruh juga bagi seseorang yang telah bersedekah untuk mendapatkan semula harta sedekahnya itu melalui jalan jual beli atau hibah melainkan sekiranya dia mewarisi harta tersebut melalui jalan harta warisan. Dan

makruh untuk kita memandang kecil atau remeh sesuatu sedekah itu walaupun ianya dalam kuantiti yang sedikit.

Merujuk Kembali Sedekah Yang Telah Diberi

Para fuqaha' bersepakat bahawa tidak harus merujuk kembali sesuatu sedekah yang diberi setelah penyerahan dibuat kepada penerima sedekah, sama ada sedekah itu diberikan kepada seorang yang fakir atau kaya. cAbdullah Ibn cAbbas RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda berkenaan seorang sahabat yang ingin membeli kembali kuda yang telah disedekahkannya:

لَا تَشْتَرِهِ، وَلَا تَعُدْ فِي صَدَقَتِكَ

Maksudnya: "Janganlah engkau membelinya dan janganlah engkau merujuk kembali sedekahmu."

T: al-Bukhari.

Dalam riwayat yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَشْتَرِهِ وَإِنْ أُعْطِيَتْهُ بِدِرْهَمٍ، فَإِنَّ مَثَلَ الْعَائِدِ فِي صَدَقَتِهِ كَمَثَلِ الْكَلْبِ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ

Maksudnya: "Janganlah engkau membelinya, walaupun engkau diberikan dengan harga satu dirham, maka sesungguhnya seseorang yang mengambil kembali sedekahnya adalah seumpama seekor anjing yang menelan kembali muntahnya."

(Hadith riwayat Muslim)

cUmar Ibn al-Khattab RA pula menyebut:

مَنْ وَهَبَ هِبَةً لِصَلَاةٍ رَحِمَ، أَوْ عَلَى وَجْهِ صَدَقَةٍ، فَإِنَّهُ لَا يَرْجِعُ فِيهَا

Maksudnya: "Barangsiapa yang telah memberi satu pemberian untuk hubungan silaturrahim ataupun bagi tujuan sedekah, maka sesungguhnya dia tidak boleh merujuk kembali padanya."

T: al-Muwatta'.

Kesimpulan

Sedekah adalah merupakan satu kebajikan harta yang amat dianjurkan di dalam Islam. Ia disunatkan pada setiap waktu dan menjadi lebih afdal mengikut masa, tempat dan keadaan tertentu. Sedekah adalah lebih fleksibel berbanding zakat dan oleh itu ia dapat dikembangkan dari sudut sumber dan penggunaannya berbanding zakat.